KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

# "KERATAN AKHBAR KESUMA"

## SELASA
## 17 SEPTEMBER 2024

| Akhbar | Harian Metro |
| --- | --- |
| Tarikh | 17 September 2024 |
| Ruang | Lokal |
| Muka Surat | 6 |

GADIS CEMERLANG TERIMA BANTUAN YB

# *Tolak tawaran masuk 'U' kerana daif*

**Bukit Mertajam:** Kisah seorang gadis yang mendapat tawaran belajar di universiti namun terpaksa mengetepikan impian kerana mahu menjaga ibunya mendapat perhatian Menteri Sumber Manusia Steven Sim Chee Keong.

Dharsini Subramaniam, 21, ditawarkan untuk mengikuti ijazah sarjana muda dalam bidang kejuruteraan perisian di Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM).

Bagaimanapun, menerusi catatan yang dikongsikan Steven dalam laman sosial Facebook (FB) miliknya memaklumkan gadis itu terpaksa menolak tawaran berkenaan atas faktor kedaifan keluarga.

"Seharusnya ini (tawaran belajar) berita baik sebab memang impian Dharsini selama ini ialah untuk menjadi seorang *software engineer* (jurutera perisian) namun oleh sebab keadaan keluarga yang daif, Dharsini mengambil keputusan untuk tidak menerima tawaran tersebut.

"Ibunya seorang OKU penglihatan. Sudah jatuh ditimpa tangga. Beberapa tahun lalu, ibunya kena *accident* (kemalangan) menyebabkan kaki pula patah manakala ayahnya sudah tiada.

"Dharsini tak sanggup membebankan ibu tersayang. Yuran universiti campur segala semua kos mencecah puluhan ribu," katanya.

Ahli Parlimen Bukit Mertajam itu berkata, beliau sebak dan terharu apabila gadis itu memberitahu menerima tawaran kerja separuh masa di sebuah pasar mini dengan pendapatan sekitar RM1,500 sebulan sekiranya rajin bekerja.

"Dia beritahu duit itu boleh jaga ibu dan sedikit-sedikit dia akan menabung untuk pergi belajar jika keadaan lebih baik nanti.

"Saya berasa terharu bercampur kagum kerana pada usia muda ketika ramai sedang mengejar cita-cita, Dharsini sanggup melupakan cita-cita sendiri demi ibu tersayang.

"Kat (dekat) poli (politeknik) dulu dia memang pelajar yang baik dan dapat CGPA 3.4. Dia kata dia nak kerja bidang AI (teknologi kecerdasan buatan) sebab itu pekerjaan masa depan, tapi apakan daya," katanya.

Katanya, beliau yang mendapat laporan kisah hidup gadis itu membuat kejutan buat dua beranak terbabit.

"Saya bawa borang UTeM minta Dharsini isikan. Dia terkejut, dia kata duit nak daftar, lebih RM2,000 pun dia tak mampu nak bayar, jangan kata kos-kos lain nak pergi sambung belajar.

"Kalau Uncle Steven dah mai (pergi) bagi borang, semestinya Uncle Steven akan pastikan semua itu tak jadi masalah. Saya bagi tau Dharsini dan ibunya, kos nak belajar kat UTeM saya tanggung semua termasuk yuran pendaftaran serta komputer riba.

"Kalau dapat PTPTN, dana yang saya bagi itu boleh guna untuk tampung keperluan hidup termasuk keperluan ibunya," katanya yang turut menjadikan gadis itu sebagai anak angkat.



STEVEN membantu Dharsini mengisi borang UTeM.

KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

| Akhbar | The Sun Daily |
|---|---|
| Tarikh | 17 September 2024 |
| Ruang | Education |
| Muka Surat | 26 |

theSundaily TELLING IT AS IT IS

# Career and lifelong education fair

## MSU offers job opportunities for students, alumni and job seekers



MSU's career fair 2024 successfully attracted a number of well established top tier corporations to engage with young graduates and job seekers from all walks of life for job opportunities.

OVER 100 companies and organisations from diverse sectors, including finance, manufacturing, healthcare, technology, education and more, joined the MSU Career and Lifelong Education Fair (MSUCEF) 2024.

As the annual flagship event organised by the MSU Academy at Management and Science University (MSU), MSUCEF 2024 featured ample career opportunities for students, alumni and job seekers, spanning for two days on August 19 and 20 in the Chancellor Hall.

MSUCEF 2024 featured an array of notable industries, including MSU Malaysia, MSU Medical Centre, RHB Bank, Bank Muamalat, Affin Islamic Bank, Acer, Toshiba Tec Malaysia, Telekom Malaysia Berhad (TM)-Unifi, Tarsoft Sdn Bhd, Poliklinik & Surgeri SKS Sdn. Bhd., Klinik Dr Azma Sdn. Bhd., Primer Cherang Clinic Pasir Gudang Sdn. Bhd., Healthdemics Max Sdn Bhd, Aryan Healthcare Sdn. Bhd. (Klinik Medi Royal), Duopharma Biotech Berhad, KPJ Specialist Hospital, Assunta Hospital, BJC Foods (Malaysia) Sdn Bhd, Fire Fighter Industry, Kawan Food Manufacturing Sdn. Bhd., Perusahaan Automobil Kedua (PERODUA), Perusahaan Otomobil Nasional (PROTON), Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), Talent Corporation Malaysia Berhad, and Masryef Advisory & Consultancy.

Representatives from Allianz Malaysia, EYTC, Huzeifa Studio, Zeneration, Surge Connection, Great Eastern, Proton, Jobstreet by SEEK, Dragonfly The Leaders Preschool, H&H Optical (Pott Glasses), Yamaha, Recruit, Place and Train Pte. Ltd. Singapore, Bernama TV, and Happy Hive Playschool & Preschool also shared their industrial prospects in a series of insightful talks.

The University officially forged collaborations with rising industry partners at the MSU career fair, 14 memoranda of understanding (MoU) were exchanged, one each with Poliklinik and Surgeri SKS Sdn. Bhd., Klinik Dr Azma Sdn. Bhd., Primer Cherang Clinic Pasir Gudang Sdn. Bhd., Aryan Healthcare Sdn. Bhd. (Klinik Medi Royal), Malaysian Society for Occupational Safety and Health (MSOSH), Lifetree BioTech, Assunta Hospital, Malaysian Association of Environmental Health (MAEH), Thulija Technologies Sdn. Bhd., Tarsoft Sdn. Bhd., Kumpulan Aplikasi Sempurna Sdn. Bhd., Happy Hive Preschool and Playschool, Dragonfly Educational Sdn. Bhd., and Zeneration Agency.

"MSUCEF 2024 provides a platform for faculties and schools across MSU and industries to bridge the networking gap, as well as a broad range of opportunities for our students to engage and develop the appropriate skillset for the future," stated Professor Tan Sri Dato' Wira Dr. Mohd Shukri Ab Yajid, President of MSU, in his officiating address.

Joining Professor Dr. Mohd Shukri at the launching ceremony were Dato' Sharifah Huda Engku Muda, Senior Vice President for Administration & Human Capital; Professor Dr. Abdul Jalil Ghazali, Senior Vice President for Industry Linkages & Entrepreneurship; Dato' Nasharuddin Shukor, Vice President for Business & Enterprise Development; and Siti Amzidalina Ghazali, Director of MSU Academy.

As a recognised national Accreditation of Prior Experiential Learning (APEL) centre, MSU offers breakthrough ways for working adults wishing to further their studies. A wide range of programmes are offered with the student's convenience as well as their educational and professional backgrounds in mind.

With ten locations, including Sabah and Sarawak, for potential candidates to take the APEL Aptitude Test as the non-conventional pre-qualification for entry into higher studies, MSU currently offers APEL (A) and APEL (C) at T-3 (Certificate), T-4 (Diploma), T-6 (Bachelor's degree), and T-7 (Master's degree) levels.

Introduced and approved by the Malaysian Qualifications Agency (MQA), APEL widens access to higher education for adult learners who are richly work-experienced yet lack academic qualifications.

MSU APEL Centre is managed by the MSU Academy (MA). It was established with the aim to excel at providing continuing education in tandem with society's current needs. Promoting lifelong education, MA offers programmes that suit best to those in need of flexibility in the scheduling and overall conduct of the teaching and learning experiences.

***For** a full range and information on flexible programmes offered at MSU, please call 03-5521 6868, email enquiry@msu.edu.my, or visit www.msu.edu.my*